



## **SIARAN AKHBAR**

**Putrajaya, 07 November 2009**

**Walkathon "FUN IN THE PARKS" 2009 di Taman Monumen Alaf Baru & Taman Pancarona Putrajaya**

Sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2009, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) dan Bank Kerjasama Rakyat (Malaysia) Berhad (Bank Rakyat), telah menganjurkan WALKATHON 'FUN IN THE PARKS' buat tahun ke dua. Program ini merupakan satu acara tahunan bagi menyambut "Hari Kanak-Kanak Sedunia" yang jatuh pada hari Sabtu terakhir bulan Oktober setiap tahun.

Seperti tahun lepas, tema "Sayangi Kanak-Kanak" telah digunakan di dalam program ini bagi menyampaikan mesej dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menyayangi kanak-kanak, pewaris generasi masa hadapan. Di samping itu, program ini turut bertujuan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada kanak-kanak khususnya dan masyarakat amnya terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

Monumen Alaf Baru dan Taman Pancarona telah dipilih sebagai lokasi program ini kerana ia merupakan lokasi sesuai untuk aktiviti riadah dan santai bersama keluarga dan rakan-rakan dengan keindahan landskap dan pemandangan tasik yang damai. Selain tarikan keunikan rekabentuknya, Monumen Alaf Baru merupakan mercu tanda yang menyimpan banyak sejarah Malaysia dan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dari kurun ke-15 (tahun 1400) sehingga tahun 2000. Di menaranya dipahat detik sejarah penting dari saat negara meraih kemerdekaan sehingga ke mercu wawasan 2020.

Sementara itu, Taman Pancarona pula merupakan taman yang menyediakan pelbagai fasiliti yang cukup lengkap bagi sukan seperti bolasepak, futsal, bola tampar, sepak takraw, bola keranjang dan bola jaring. Taman ini yang turut menyediakan wakaf untuk beristirahat bagi pengunjung selepas penat bersukan turut menjadi lokasi pilihan oleh agensi kerajaan dan swasta serta sekolah untuk penganjuran aktiviti seperti Hari Keluarga, Hari Sukan, Jogathon, pertandingan bola sepak dan sebagainya dengan fasiliti yang lengkap seperti tandas, bilik persalinan, surau dan bilik rawatan. Taman ini boleh memuatkan lebih kurang 810 hingga 1000 penonton pada sesuatu masa dan boleh digunakan pada setiap hari bermula pada 8.00 pagi hingga 12.00 malam.

Program ini dijangka disertai oleh kira-kira 1500 orang kanak-kanak di sekitar Lembah Kelang dan kawasan berhampiran, yang berusia antara 6 hingga 15 tahun. Selain dari acara walkathon yang akan dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, terdapat dua pertandingan baru diperkenalkan iaitu Pertandingan "Seronoknya Mewarna NURI" dan Pertandingan Futsal Peringkat Sekolah Rendah. Penyertaan adalah percuma, selari dengan matlamat penganjur untuk menerapkan budaya cintakan alam sekitar kepada masyarakat negara ini dari peringkat kanak-kanak lagi.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Utusan Karya Sdn. Bhd. di talian 03-8926 2999, faks: 03-8925 2311 atau Encik Muzafar Bin Abdul Mutalib di talian 019-3448333 atau pihak Perbadanan Putrajaya ditalian 03-8887 7615/7401/7395.



( **RAFIDAH MOHAMAD** )

**Penolong Pengarah Perhubungan Awam**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 6 November 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013